

# Berkat keazaman, usaha gigih

Sinar Harian

18 Mac 2017 (Sabtu)

m/s 38

## Dua peserta program Empower ECER Mahkota cemerlang dalam peperiksaan SPM 2016

KUANTAN - Dua pelajar di bawah program Empower ECER Mahkota melakar sejarah tersendiri apabila memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2016 yang diumumkan kelmarin.

Choi Ah Bob Choi Ko Onn, 18, yang memperoleh keputusan 6A antara pelajar Orang Asli cemerlang di Pahang, manakala Nurul Amiera Afindi, 18, dinobatkan pelajar terbaik SPM 2016 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Lepar di sini, selepas mendapat 9A.

Choi Ah Bob bekas pelajar Sekolah Menengah Paloh Hinai, Pekan berkata, kejayaan itu sebagai hadiah buat ibunya, Rubiah Awang yang kini mengalami masalah kesihatan.

Katanya, walaupun ibunya sakit dan bapa sudah meninggal dunia, dugaan itu tidak menghalang usahanya untuk berjaya dan membanggakan keluarga.

"Saya berusaha ikut jejak abang Choi Ah Tom yang turut memperoleh keputusan cemerlang dalam SPM 2015.

"Sementara tunggu keputus-



Choi Ah Bob (tengah) menerima cenderahati daripada Pengurus Besar UMP Advanced Education, Zainal Bahari.

an SPM, saya bekerja sambil sebagai penyusun kotak di di Kilang Isuzu, Pekan bagi membantu keluarga dan seorang adik kanak-kanak istimewa,"katanya.

Katanya, sebelum ini abang sulungnya menanggung perbelanjaan sekolah RM2.50 sehari dan dengan kesusahan itu, dia mencabar diri untuk belajar bersungguh-sungguh dan usaha itu berbaloi.

"Program Empower Boot Camp dan program motivasi disertai kendalian fasilitator dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) banyak bantu saya meraih kejayaan ini.

"Terima kasih kepada ECERDC, UMP serta guru yang banyak membantu dan ternyata Modul Program empower sangat membantu untuk jadi pelajar cemerlang,"katanya.

Bagi anak peserta Agropolitan



Nurul Amiera bersama keluarganya menerima kunjungan Pengurus Besar UMP Advanced Education, Zainal Bahari.

Pekan, Nurul Amiera berkata, kejayaan diperoleh mengatasi pencapaian kakaknya yang turut cemerlang dua tahun lalu.

Lebih membanggakan keputusan 9A diperoleh merupakan pencapaian tertinggi SMK Lepar setakat ini.

Bercita-cita untuk menyambung pengajian dalam bidang pergigian, dia mahu membalas jasa ibu

babanya.

"Saya amat meminati program yang dijalankan pihak UMP khususnya program Bahasa Inggeris GIGvianza dan program outdoor iaitu boot camp kerana dapat meningkatkan keyakinan diri saya untuk berjaya. Program lawatan ke UMP juga beri pendedahan kepada saya untuk terus berjaya dan berusaha,"katanya.